

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIB/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 8 OGOS 2018, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 15

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1411-L01174
Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan Pusat bersetuju untuk mengkaji nilai pajakan tanah Pulau Pinang itu yang dilihat sudah tidak bersesuaian dengan nilai hartanah semasa. Atau, adakah Kerajaan Pusat mahu memberikan pampasan kepada negeri Kedah dan jika ya, berapakah jumlahnya.

2. PR-1411-L01068
Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian bagi meningkatkan lagi kemudahan peralatan dan kakitangan di Hospital Universiti Sains di Kubang Kerian memandangkan kini ia menjadi tumpuan utama pesakit di Kelantan.

3. PR-1411-L01227
Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan membina sebuah stadium kecil atau satu tempat kemudahan sukan bagi rakyat di kawasan Parlimen Tampin.

4. PR-1411-L00823
Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pakaian pramugari MAS sesuai dengan imej Malaysia yang agama rasminya adalah Islam. Nyatakan jenis-jenis pakaian pramugari MAS serta aspek pelanggaran syariah yang dikenalpasti.

5. PR-1411-L00026
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang dirancang untuk menghadapi masalah hutang dan liabiliti sebanyak RM1.087 trilion.
6. PR-1411-L00876
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rasional tindakan pengumuman potongan jalur lebar sebanyak 30 peratus seperti yang dilaporkan.
7. PR-1411-L00564
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan projek menaik taraf jalan raya di seluruh Parlimen Tenom, terutama di Ulu Tomani dan apakah perancangan Kementerian bagi memastikan pengaspalan jalan raya ke Ulu Tomani dilaksanakan.
8. PR-1411-L00131
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan prestasi ekonomi sebelum dan selepas PRU14 dan nyatakan kesan khusus dari segi pelaburan terus pelabur asing (*foreign investment*) sama ada yang sedia ada dalam negara dan yang berpotensi untuk dibawa masuk ke negara ini.
9. PR-1411-L00413
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan hasil kajian oleh Kementerian mengenai permintaan industri tempatan terhadap kayu getah, jika ada, untuk mewajarkan larangan eksport kayu getah. Adakah larangan eksport ini menjejaskan para pekebun getah.
10. PR-1411-L00930
Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapakah jumlah penalti atau pampasan yang dibayar semula oleh pihak Kerajaan akibat pembatalan projek HSR KL-Singapura dan apakah impaknya terhadap peluang pekerjaan dan ekonomi negara.
11. PR-1411-L01065
Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status projek naik taraf lapangan terbang Sandakan yang telah diumumkan oleh mantan Perdana Menteri pada Mei 2017.

12. PR-1411-L01107
Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan :-
- (a) berapakah anggaran rizab minyak dan gas yang ada di seluruh negara sekarang mengikut negeri ; dan
 - (b) nyatakan rizab yang ada boleh bertahan berapa tahun dan berakhir tahun berapa.
13. PR-1411-L01296
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan pindaan-pindaan untuk memisahkan kuasa-kuasa pendakwaan Peguam Negara iaitu dengan memperkenalkan satu badan asing seperti '*Crown Prosecution Service*' di United Kingdom yang khas untuk menjalankan kuasa-kuasa pendakwaan.
14. PR-1411-L01183
Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan pimpinan YAB Perdana Menteri komited dalam menunaikan janji dalam Manifesto Pakatan Harapan untuk memisahkan Pejabat Peguam Negara dan Pejabat Pendakwa Raya supaya pendakwa raya dapat bertanggungjawab menjaga kepentingan orang awam dan kekal neutral serta bilakah janji dapat ditunaikan.
15. PR-1411-L00363
Tuan Ali bin Biju [Saratok] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status “Projek Pembinaan Jambatan Sungai-Sungai” di Sarawak yang melibatkan kontraktor utama Titanium Sdn. Bhd.
16. PR-1411-L01355
Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan dengan lengkap tentang kedudukan negara dari segi ekonomi modal, ekonomi rakyat, monetari, dan fiskal serta pelan tindakan untuk memperkasakannya lagi.
17. PR-1411-L00038
Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah hak dan status Sabah dan Sarawak seperti Deklarasi Malaysia 1963 akan dikembali dan dilaksanakan.

18. PR-1411-L01332
Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan membenarkan Sabah melaksanakan kuasa autonomi penuhnya sebagai rakan kongsi sama taraf dan berautonomi dalam Persekutuan Malaysia dan bila pelaksanaan ini akan bermula.
19. PR-1411-L00887
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan pendirian sama ada sektor kreatif dan inovasi khususnya pemuda pemudi di Sabah akan diberi peluang sama rata dalam media Kerajaan seperti RTM.
20. PR-1411-L00129
Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI, SAINS, PERUBAHAN IKLIM DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kepada Majlis ini kedudukan pelaksanaan *Efficient Engine Vehicles (EEV)* dan pelaksanaan EUR04 dan EUR05 mengikut jadual dan bila.
21. PR-1411-L01010
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa kes perlindungan dilakukan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan sama ada Kerajaan akan meminda akta tersebut dan akta-akta lain termasuk Akta Rahsia Rasmi 1972 untuk menawarkan perlindungan sebenar kepada pemberi maklumat.
22. PR-1411-L01178
Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam konteks membina "Malaysia Baharu", bagaimana hubungan yang akan dijalin di antara Kerajaan Pusat dan Institusi Diraja, serta langkah yang perlu diambil bagi memastikan rakyat jelata terus menyanjung dan menjunjung Institusi Diraja.
23. PR-1411-L00729
Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah usaha-usaha pihak Kementerian untuk melaksanakan imej serta persembahan pelebaran dan pembungkusan produk IKS khususnya produk Bumiputera agar bersaing di peringkat antarabangsa serta mematuhi kehendak perundangan.

24. PR-1411-L00880
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status penubuhan jawatankuasa Khas bagi mengkaji dan memperkemas aspek pengurusan pekerja asing serta langkah-langkah yang diambil kerajaan untuk mengatasi masalah lambakan golongan itu di negara ini.
25. PR-1411-L00583
Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah perancangan terkini Kementerian dalam menjaga kebajikan pesara tentera dan nyatakan secara terperinci kadar pencen yang akan dikaji semula dan diselaraskan dengan kos sara hidup semasa untuk pesara tentera.
26. PR-1411-L01266
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rancangan Kerajaan membina bangunan tadika di sekolah-sekolah Tamil. Adakah Kementerian Pendidikan akan menyelenggara dan mengendalikan semua tadika di sekolah-sekolah Tamil.
27. PR-1411-L01163
Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah statistik terkini kadar muflis dalam kalangan belia dan apakah usaha pihak Kementerian dalam membantu golongan belia secara keseluruhannya yang dilihat sangat terdedah dengan risiko kebangkrapan akibat kegagalan pengurusan kewangan dan kadar hutang yang tinggi.
28. PR-1411-L00396
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah pilihan raya pihak berkuasa tempatan (PBT) akan dilaksanakan:-
- (a) apakah pindaan akta yang diperlukan dan bila ianya akan dipinda; dan
 - (b) bagaimanakah pilihan raya PBT dapat dianjurkan dan adakah SPR akan mengendalikannya.
29. PR-1411-L00816
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sekiranya seseorang peminjam pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak pernah dinaikkan gajinya ke atas paras RM4,000 sebulan, adakah ini bermaksud dia tidak perlu membayar balik pinjamannya buat seumur hidup.

30. PR-1411-L00118
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini Jalan Jiwa Murni Pekan Belaga – Nanga Merit – Kapit.
31. PR-1411-L01216
Tuan Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah meningkatkan pengeluaran daging lembu dalam negara.
32. PR-1411-L00190
Tuan Robert Lawson Chuat [Betong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pencapaian Kementerian dalam usaha memastikan 90 peratus daripada guru-guru di Sarawak adalah terdiri dari anak-anak watan Sarawak sendiri menjelang tahun 2018 ini.
33. PR-1411-L00593
Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rancangan untuk meningkatkan tahap penggunaan Kompleks Kastam Imigresen dan Kuarantin Bukit Bunga, Tanah Merah. Apakah sebab-sebab kenapa ia tidak banyak digunakan.
34. PR-1411-L00915
Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah pihak Kerajaan telah mempunyai laporan awal kepada tinjauan perubahan harga barang selepas pelaksanaan GST berkadar sifar bermula 1 Jun 2018. Sekiranya ada, apakah hasil dari tinjauan tersebut.
35. PR-1411-L01012
Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan '*Terms of Reference*' yang digunapakai untuk Tabung Harapan Malaysia dan siapakah penandatanganan yang bertanggungjawab untuk akaun tersebut.
36. PR-1411-L01371
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah rancangan Kementerian dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan Imigresen di Lapangan Terbang Antarabangsa negara terutamanya KLIA dan KLIA2 ; dan

(b) apakah tindakan sekatan kemasukan terhadap pengunjung-pengunjung asing di pintu masuk antarabangsa oleh Imigresen yang dilihat umum mempunyai niat lain.

37. PR-1411-L01128

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status dan perkembangan projek Rangkaian Rel Pantai Timur (ECRL) kesan limpahan serta impak sosioekonomi dan keputungan kepada rakyat.

38. PR-1411-L00556

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan kenapakah kementerian meluluskan kilang kelapa sawit di Tangkak, Johor (dimiliki oleh Tetuan Milik Mestika Sdn. Bhd.) walaupun tanah tersebut telah dikhaskan untuk aktiviti pertanian dan berikan tarikh kelulusan Kementerian dan Majlis Daerah kepada syarikat tersebut dan apakah kriteria yang diguna pakai dalam meluluskan pengoperasian kilang sawit ini.

39. PR-1411-L01143

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk melaksanakan projek loji nuklear untuk memenuhi keperluan tenaga negara, negeri manakah yang dipilih sebagai lokasi projek dan berapakah kos keseluruhan projek.

40. PR-1411-L00319

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan sifar GST kepada kewangan Kerajaan dan adakah sistem SST yang akan menggantikan GST akan tidak membebankan rakyat.

41. PR-1411-L00345

Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada peruntukan untuk pembinaan sebuah sekolah 4 tingkat untuk SRJK (C) Hua Lian 2, Taiping, Perak telah diperuntukkan dan berapa jumlah tersebut.

42. PR-1411-L00861
Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI, SAINS, PERUBAHAN IKLIM DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam mengatasi masalah kecetakan muka kuala Pantai Tujuh, Tumpat yang menyukarkan para nelayan di Tumpat untuk keluar ke laut.
43. PR-1411-L00008
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH** menyatakan apakah tindakan akan diambil terhadap projek-projek pembangunan yang mana pembelian tanah berkenaan sedang disiasat oleh SPRM. Memandangkan penyiasatan SPRM akan mengambil masa yang agak panjang, adakah Kementerian bercadang supaya kerja-kerja pembinaan ditangguhkan sementara sehingga penyiasatan SPRM diselesaikan.
44. PR-1411-L00926
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana usaha Kementerian memastikan kawasan-kawasan Beting Patinggi Ali yang terletak di dalam Kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) Malaysia tidak lagi dicerobohi oleh pihak-pihak berkepentingan dari Negara China hingga berisiko mengancam keselamatan nelayan tempatan.
45. PR-1411-L00422
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini pembinaan Jalan Lingkaran Tengah Seremban, apakah terdapat fasa-fasa seterusnya selepas siapnya Fasa 3B (Bahagian 1).
46. PR-1411-L00002
Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah status pelaksanaan projek Jalan Mangkubau Laut Pitas. Bilakah projek tersebut dapat dimulakan dan jangkaan tarikh siap sebenar projek ini.
47. PR-1411-L00904
Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kerajaan akan menggunakan dana yang sedang dikumpul sebagai Tabung Harapan. Jelaskan apa kaedah yang bakal digunakan untuk membantu kedudukan ekonomi negara dengan dana dari Tabung Harapan itu.

48. PR-1411-L01194
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan dasar dan proses pembelian peralatan kapital Angkatan Tentera Malaysia, sama ada pemilihan dibuat secara tender terbuka atau tertutup. Adakah pemilihan peralatan melalui uji nilai atas kertas dan uji nilai fizikal bagi memastikan ianya memenuhi kriteria dan spesifikasi yang diperlukan.
49. PR-1411-L01365
Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini projek pembinaan Klinik Kesihatan Daro yang baharu di kawasan Parlimen P.207 Igan bagi menggantikan klinik kesihatan yang telah terbakar dan bilakah projek tersebut akan dilaksanakan serta dijangka siap.
50. PR-1411-L00222
Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap Laporan Suruhanjaya Siasatan bagi menyiasat kerugian urus niaga mata wang asing Bank Negara Malaysia (BNM) sekitar tahun 1990-an yang bertarikh 13 Oktober 2017.
51. PR-1411-L01322
Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
(a) bilangan projek rumah kos rendah yang telah dilaksanakan di Miri dalam tahun 2016 hingga 2017; dan
(b) bilangan rumah kos rendah yang akan dibina untuk penduduk Miri dalam tahun 2018.
52. PR-1411-L00654
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pendaftaran pemilih secara automatik dan pengundi bermula umur 18 tahun akan dilaksanakan. Apakah rasional jika kedua perkara ini dilaksanakan. Nyatakan undi popular yang diperoleh oleh tiap-tiap parti politik yang bertanding pada PRU14.
53. PR-1411-L01057
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini pelaksanaan Projek Rel Kereta Api Pantai Timur (ECRL).

54. PR-1411-L00626
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan :-
- (a) usaha dan tahap keberkesanan Skills Malaysia dalam melahirkan tenaga kerja Malaysia yang lebih berdaya saing, khususnya dalam bidang TVET; dan
 - (b) statistik tahunan peminjam dana Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) sejak tahun 2010, serta sasaran PTPK untuk 5 tahun mendatang.
55. PR-1411-L00449
Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional Kementerian menjadikan Jepun sebagai negara rujukan untuk menghadapi bencana khususnya banjir sedangkan Jepun mempunyai keadaan cuaca dan iklim yang berbeza dengan Malaysia.
56. PR-1411-L00963
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jelaskan pertimbangan-pertimbangan yang diambil bagi menentukan jumlah peruntukan yang sepatutnya diterima oleh Ahli-ahli Parlimen yang telah dipilih rakyat melalui proses pilihan raya.
57. PR-1411-L00958
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) kenapa wujudnya tafsiran yang berbeza mengenai jumlah hutang negara sebelum ini hingga menyebabkan perkembangan positif ekonomi terganggu; dan
 - (b) nyatakan secara terperinci jumlah hutang Kerajaan serta pecahan jumlah hutang-hutang yang dijamin Kerajaan dan hutang pajakan sehingga kini.
58. PR-1411-L00388
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah cadangan penarikan anggota Angkatan Tentera Malaysia daripada Arab Saudi akan menjejaskan hubungan baik dua hala negara dan adakah tindakan ini akan menyebabkan jumlah kuota haji dan umrah yang diperuntukkan bagi Malaysia akan terjejas.

59. PR-1411-L01045
Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk meletakkan sasaran FDI yang akan dibawa masuk dan berapakah pelaburan yang dibawa masuk ke Kulim Hi-Tech pada tahun 2017.
60. PR-1411-L00463
Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap program tenaga nuklear untuk menjana elektrik di Malaysia.
61. PR-1411-L00082
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasionalnya Malaysia ingin mendapatkan pinjaman kewangan daripada negara yang mempunyai nilai mata wang lebih tinggi daripada Ringgit sehingga mencecah kadar 100 peratus walaupun faedah yang bakal dikenakan terhadap pinjaman tersebut adalah rendah.
62. PR-1411-L00753
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pengiktirafan Sijil UEC untuk tujuan kemasukan ke IPTA. Sama ada Kementerian boleh memastikan pelaksanaannya akan disempurnakan selewat-lewatnya untuk sesi kemasukan IPTA tahun 2019.
63. PR-1411-L00795
Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) status projek perumahan untuk golongan B40 di Cameron Highlands yang telah diluluskan oleh Kerajaan sebelum ini; dan
 - (b) status projek penyelenggaraan Pangsapuri LMC, Tanah Rata Cameron Highlands yang juga telah diluluskan oleh Menteri KPKT lama.
64. PR-1411-L00467
Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kementerian akan meneruskan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dan Rumah Mesra Rakyat (RMR) atau apakah alternatif lain Kementerian untuk membantu rakyat miskin bagi tujuan yang sama.

65. PR-1411-L00218
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah aspek kebebasan bersuara masih dilaksanakan dalam pentadbiran Kerajaan baharu, memandangkan wujudnya arahan melarang penjawat awam termasuk Naib-naib Canselor dan Timbalan-timbalan Naib Canselor yang cenderung menyokong Kerajaan terdahulu meletak jawatan.
66. PR-1411-L00286
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-
- (a) jumlah cukai pelancongan (Tourism Tax) yang dikutip dari Sarawak dan jumlah kutipan yang telah dikembalikan kepada Sarawak sejak cukai tersebut dilaksanakan; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang diambil dalam membantu membangunkan industri pelancongan di Sarawak.
67. PR-1411-L00498
Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan sudah bersedia untuk melaksanakan sistem percukaian bagi menggantikan GST dan jika ada apakah jaminan ia tidak akan membebankan rakyat.
68. PR-1411-L00017
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) akan diteruskan ataupun dimansuhkan memandangkan pelaksanaan ECERDC ini banyak membantu pembangunan setempat yang bersaiz kecil dan sederhana yang memberi impak kepada ekonomi dan sosial setempat.
69. PR-1411-L00355
Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tindakan yang diambil bagi mengurangkan isu lambakan pengemis kanak-kanak dan dewasa termasuk warga asing yang menjadikan Malaysia sebagai lubuk untuk mereka mendapat sumber kewangan.
70. PR-1411-L01400
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan :-
- (a) apakah visi dan dasar baru Kerajaan berhubung dengan latihan dan pembangunan; dan
 - (b) apakah tindakan yang diambil untuk memastikan pekerja-pekerja kemahiran yang cukup di Malaysia dan kerangka masa untuk mencapainya.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018.

2. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- * Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.11/2018) Rang Undang-undang Cukai **Bacaan Kali
Yang Kedua**
Perkhidmatan 2018
[Menteri Kewangan]
2. (D.R.9/2018) Rang Undang-undang Cukai Barang dan "
Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018
[Menteri Kewangan]
3. (D.R.12/2018) Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) "
2018
[Menteri Kewangan]
4. (D.R.13/2018) Rang Undang-undang Zon Bebas "
(Pindaan) 2018
[Menteri Kewangan]
5. PR-1411-U(27)003
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Menteri Pendidikan memperjelaskan Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) supaya lepasan UEC boleh memohon untuk kemasukan universiti awam sesi pengambilan 2018/2019 yang bermula pada awal September 2018."
[Menteri Pendidikan]
6. PR-1411-U(27)004
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-
"Kementerian perlu mempunyai satu pendekatan yang sistematik dalam menyalurkan peruntukan tahunan dan dana khas untuk pembangunan serta penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJK) (*confirming school*) dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) tanpa mengabaikan Sekolah Kebangsaan serta sekolah aliran lain Kementerian juga perlu mengumumkan garis panduan kelulusan pembinaan Sekolah Jenis

Kebangsaan Cina (SJKC) yang baharu serta penempatan semula SJK(C) yang kurang murid ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seharusnya menjadi sebahagian daripada perancangan pendidikan oleh Kementerian agar SJK(C) turut menjadi arus perdana sistem pendidikan kebangsaan."

[Menteri Pendidikan]

7. PR-1411-U(27)005

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil satu ketetapan mengenai lambakan kes permohonan kewarganegaraan oleh kaum India dan Cina yang tertunggak sekian lama agar ia dapat diproses dengan segera serta diluluskan dalam tempoh tiga sehingga enam bulan."

[Menteri Dalam Negeri]

8. PR-1411-U(27)006

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membatalkan projek kereta nasional baru apabila kegagalan Proton perlu diambil iktibar dan menumpu kepada usaha Kerajaan dalam menangani isu-isu industri automotif dalam negara serta memperkukuhkan industri automotif secara holistik selaras dengan Dasar Automotif Nasional."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

9. PR-1411-U(27)007

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Menteri Kewangan untuk membahaskan kaedah mengira hutang negara yang mengambil kira liabiliti luar jangkaan serta pajakan pengkongsian awam-swasta berbanding dengan kaedah antarabangsa seperti IMF dan jika Menteri menggesa untuk mengamalkan pengiraan baru ini, ia perlu dibentang untuk kelulusan dari Parlimen."

[Menteri Kewangan]

10. PR-1411-U(27)008
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membenteng butiran-butiran termasuk terma-terma dan tujuan yang terlibat dalam permintaan kredit yen dari Kerajaan Jepun dan ia dibahas dalam Dewan ini."
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
11. PR-1411-U(27)009
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan apakah rancangannya untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam dalam negara terutamanya di sekitar daerah Klang yang mana kesesakan lalu lintas dianggar mengakibatkan kehilangan 1.11% kepada 2.2% daripada KDNK terutamanya pengumuman pembatalan MRT3 telah dibuat."
[Menteri Pengangkutan]
12. PR-1411-U(27)001
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan yang mulia ini akan mencadangkan kepada Kerajaan supaya memulihkan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi membolehkan warga kota memilih sendiri wakil-wakil untuk berkhidmat dalam Majlis Kerajaan Tempatan."
[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]
13. PR-1411-U(27)002
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan ini menyatakan kehilangan kepercayaan dan ketidakyakinan terhadap Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), iaitu Tan Sri Othman Bin Haji Mahmood, dan lima anggota SPR yang lain, iaitu Dato' Md Yusop Bin Haji Mansor, Datuk Haji Abdul Aziz Bin Khalidin, Haji Sulaiman Bin Haji Narawi, Dato' Bala Singam A/L Karupiah, dan Dato' Leo Chong Cheong, dan oleh itu menuntut agar mereka meletak jawatan sebagai anggota SPR dengan serta-merta."
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

KERTAS PEMBERITAHUAN

Menteri Kewangan akan mencadangkan :-

"BAHAWASANYA, berikutan dengan Pilihan Raya Umum Keempat Belas, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan itu akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(2), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], pengurangan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dibuat melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak enam bilion dua ratus dua puluh sembilan juta lapan ratus lima ribu tiga ratus enam puluh satu ringgit (RM6,229,805,361) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2018, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Pengurangan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2018 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 2 Julai 2018. "

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2018</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD.4	Penyata Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018	8 Ogos 2018
CMD.4A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018	8 Ogos 2018
CMD.5	Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018	8 Ogos 2018
CMD.5A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018	8 Ogos 2018

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 08.08.2018 (Rabu)	1. YB Tuan Sivakumar A/I Varatharaju Naidu (Batu Gajah)	1. Bantuan Kebajikan Yang Telah Dihentikan	1. YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
2. 08.08.2018 (Rabu)	2. YB Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)	2. Penambahbaikan Fasiliti Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu	2. YB Menteri Pengangkutan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**